

Pelajar asing sumbang lebih RM4b setahun

B.H 26/6/09 M/S 2

KUALA LUMPUR: Kemasukan pelajar asing yang mencecah kira-kira 70,000 orang di institusi pengajian tinggi (IPT) seluruh negara, menyumbang lebih RM4 bilion setahun kepada ekonomi Malaysia, kata Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.

Katanya, maklumat itu diperoleh hasil kajian terhadap IPT swasta yang menerima kemasukan sebahagian besar pelajar asing di negara ini berbanding universiti awam.

Selain yuran pengajian, beliau berkata, secara keseluruhan pelajar di IPT awam dan swasta menjana pendapatan lebih RM1.5 bilion setahun kepada negara melalui pelbagai sektor seperti pengangkutan, makanan, hiburan, kemudahan serta penjagaan kesihatan.

“Bidang pengajian tinggi adalah penyumbang penting kepada ekonomi Malaysia. Setakat Ogos tahun lalu, seramai 921,548 penuntut, termasuk pelajar asing, memasuki IPT,” katanya pada ucaptama Membangunkan Pengajian Tinggi Sebagai Pemangkin Utama Daya Sains Malaysia pada majlis Persidangan Pengajian Tinggi Kebangsaan 2009 di sini, semalam.